

**80 Warga Kerja RTM Terlibat Dalam Siaran Langsung Pertabalan Agong
Bernama
11 April , 2012**

KUALA LUMPUR, 11 April (Bernama) -- Seramai 80 warga kerja Bahagian Penerbitan dan Teknik, Radio Televisyen Malaysia (RTM) terlibat dalam siaran langsung istiadat pertabalan Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-14 di Balairong Seri, Istana Negara, Jalan Duta di sini Rabu.

Penolong Pengarah Seksyen Ehwat Semasa Televisyen RTM, Megat Samsudin Megat Idris berkata sebanyak 13 kamera digunakan untuk merakam istiadat pertabalan itu daripada pelbagai sudut.

Siaran langsung RTM itu bermula 9 pagi ini menggunakan perkhidmatan "High Definition (HD) TV" bagi memaparkan siaran digital yang lebih berkualiti daripada segi visual dan bunyi, katanya kepada Bernama.

Beliau berkata pemasangan kamera dan persiapan lokasi untuk istiadat itu mengambil masa tiga hari untuk disiapkan ini adalah kerana ianya perlu dibuta dengan teliti.

"Persiapan untuk upacara pertabalan ini dibuat dengan teliti agar setiap sudut dan perjalanan acara dapat dirakamkan dengan baik dan jelas," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=658356>